

Dr. Mahathir boleh ubah persepsi rakyat terhadap pendermaan organ

UM 25 SEP 2003
Oleh NORZAHIZAN ISMAIL

KUALA LUMPUR 24 Sept. — Tiga pakar bedah terkemuka dunia yang terlibat dalam pembedahan pemindahan organ yakin hanya Perdana Menteri, Datuk Seri Dr. Mahathir Mohamad dapat mengubah persepsi masyarakat Malaysia terhadap pendermaan organ.

Profesor Emeritus Universiti Cambridge yang juga Pakar Perunding Pembedahan Transplan, **Sir Roy Calne**, Ketua Pengarah Saudi Centre For Organ Transplantation, Saudi Arabia, **Dr. Faissal A.M. Shaheen** dan **Prof. Iraj Fazel** dari Iran berpendapat hanya orang yang berkaliiber seperti Dr. Mahathir dapat mengubah pandangan masyarakat.

“Jika Dr. Mahathir memulakan kempen pendermaan organ ia pasti dapat mengubah sikap dan pandangan rakyat Malaysia tentang pendermaan organ terutama dalam kes penderma yang telah mengalami mati otak,” kata Calne.

Beliau berkata, Dr. Mahathir merupakan seorang tokoh yang disegani, mempunyai karisma dan berwibawa.

Sehubungan itu, katanya, Dr. Mahathir merupakan tokoh negara yang tepat untuk menggerakkan kempen pendermaan organ.

Malaysia yang mempunyai 22 juta rakyat hanya mempunyai 6,000 orang yang telah menandatangani kad persetujuan untuk menderma organ setelah meninggal dunia (mati otak).

Beliau berkata, jumlah itu adalah terlalu kecil untuk sebuah negara yang membangun seperti Malaysia.

“Faktor penghalang yang nyata bukan agama tetapi budaya rakyat kerana semua agama di dunia termasuk Islam menggalakkan pendermaan organ kerana ia membantu menyelamatkan nyawa orang lain,” tambah beliau.

Menurutnya, pada masa ini, Sepanyol merupakan negara yang paling ramai rakyatnya yang menyatakan persetujuan dan telah menderma organ setelah mengalami mati otak.

Sementara itu, Dr. Faissal yakin sekiranya Dr. Mahathir menggerakkan kempen pendermaan organ di Malaysia, ia akan mendapat sambutan yang menggalakkan.

“Rakyat negara ini hanya memerlukan seseorang yang disegani seperti Dr. Mahathir untuk mengesahkan bahawa pendermaan organ sesuatu yang baik dan diterima agama,” katanya.

Beliau memberitahu, kerajaan Arab Saudi menggalakkan pendermaan organ kerana ia adalah halal dari segi syariah kerana dapat menyelamatkan nyawa orang lain serta membantu memperingkatkan kualiti hidup.

Bagaimanapun, kata beliau, kesemua pembedahan pemindahan organ di negara itu dilakukan di hospital kerajaan melalui satu Pusat Transplan yang memantau senarai pesakit, tidak kira pesakit miskin atau kaya.

“Penderma dan penerima perlu mengikut senarai yang ditetapkan dan kita tidak membenarkan penjualan organ kerana ia adalah haram dalam Islam,” tambah beliau.

Sementara itu, Prof. Iraj turut yakin Malaysia akan mampu mendapatkan penderma organ untuk menyelamatkan nyawa pesakit-pesakit yang memerlukan organ baru.

Disegani

“Malaysia mempunyai Perdana Menteri yang disegani dan diterima rakyat, maka beliau dapat mengubah pemikiran dan kepercayaan rakyat dan saya pasti Malaysia akan berjaya dalam kempen pendermaan organ,” katanya.

Beliau memberitahu, kerajaan Iran mengambil keputusan untuk memberi ganjaran kepada penderma organ selepas pembedahan pemindahan organ.

“Penderma atau keluarga penderma akan menerima kira-kira RM8,500 kerana bersedia membantu menderma organ sama ada ia terlibat pertalian darah atau orang luar.

“Dengan kaedah ini, kita mengelak daripada berlaku penjualan organ tetapi jika seseorang masih mahu melakukan jualan, ia hanya diketahui oleh mereka sendiri,” tambah beliau.

Beliau memberitahu, jumlah penderma organ yang mati otak meningkat kepada 88 kes tahun lalu berbanding dengan tiada kes langsung enam tahun lalu.

“Sehingga hari ini sebanyak 14,700 pembedahan pemindahan organ dijalankan dan kerajaan telah memberi ganjaran kepada mereka sama seperti mereka yang keluar berperang.

“Sebanyak 1,500 pembedahan pemindahan organ diadakan setiap tahun dan tiada seorang pun di Iran yang perlu diletakkan dalam senarai perlu menunggu untuk mendapatkan buah pinggang,” tambah beliau.